

## KENYATAAN MEDIA

### CAMSCORE MENGANUGERAHKAN PENARAFAN BINTANG KEPADA TIGA MODEL KAMERA PAPAN PEMUKA DARI JENAMA FINEVU DAN AKEEYO

**KAJANG, 15 SEPTEMBER 2023** – Program Penilaian Kamera Papan Pemuka (CamScore) telah mengumumkan keputusan penilaian terkini bagi model GX 300 dan GX1000 dari jenama FineVu dan AKY-D10 dari jenama Akeeyo. Tiga model kamera papan pemuka (“dashcam”) ini telah memenuhi keperluan penilaian dan berjaya mendapat penarafan bintang. Bagi model GX 300 dan GX 1000 di bawah jenama FineVu mendapat keputusan lima bintang dengan kedua-duanya mencatat skor yang sama iaitu 4.51 daripada markah keseluruhan 5.00. Model AKY-D10 pula di bawah jenama Akeeyo mendapat keputusan empat bintang dengan mencatat skor 4.10.

Pada bulan November 2022, MIROS dan Cybersecurity Malaysia (CSM) telah bekerjasama dalam menghasilkan satu program kepenggunaan yang dapat membantu pengguna memilih “dashcam” untuk kenderaan mereka. Program yang dijenamakan sebagai “CamScore” atau “*Dashcam Safety Score Card*” ini telah melalui fasa penilaian awalan dan versi pertama senarai kamera yang dinilai telah dihebahkan untuk rujukan pengguna pada tahun 2022. Dengan adanya program kepenggunaan ini, para pengguna bukan sahaja dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang kualiti kamera malah pengguna juga dapat memastikan pembelian mereka berbaloi dengan harga yang ditawarkan.

Penilaian CamScore ini digariskan dari aspek spesifikasi dashcam melalui tiga ciri iaitu **ciri asas** (basic features), **ciri termaju** (advanced features), serta **ciri bantuan pemanduan** (Advanced Driving Assistance System - ADAS). Penasihat Bersama Projek MIROS-CSM, yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Kenderaan dan Biomekanik MIROS, Ts. Zulhaidi Mohd Jawi berkata, CamScore adalah kesinambungan pelbagai program penarafan yang telah dibangunkan oleh MIROS termasuk penilaian kenderaan melalui ASEAN NCAP. “Ini merupakan inisiatif MIROS dan CSM untuk memastikan pengguna mempunyai panduan dalam membuat keputusan untuk membeli dan memiliki dashcam yang sesuai”, tambah beliau lagi.

Pada tahun lalu juga, CSM telah mengeluarkan dua garis panduan kepada pengguna iaitu ‘**Garis Panduan Pengguna Untuk Pemasangan Kamera Papan Pemuka yang Ideal**’ dan juga ‘**Garis Panduan Untuk**



**Mendapatkan Data Secara Forensik Daripada Kamera Papan Pemuka’.** Garis panduan ini penting bagi pengguna kerana rakaman audio dan video yang dihasilkan oleh kamera papan pemuka boleh membantu pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membuat siasatan terutamanya semasa sesuatu kemalangan atau insiden berlaku. Rakaman audio dan video boleh digunakan untuk mengetahui punca sesuatu kejadian, mengesan kenderaan atau individu lain yang menyebabkan kejadian itu berlaku dan membantu dalam memfailkan tuntutan insurans. Data daripada kamera papan pemuka hendaklah didapatkan dengan cara yang sebaiknya dari sudut forensik untuk menjamin keutuhannya.

Melalui program CamScore, MIROS dan CSM berusaha untuk mendorong pemasangan kamera papan pemuka (dashcam) yang berkualiti di Malaysia. Sebagai permulaan, MIROS menyarankan agar pengguna kenderaan untuk memilih dan memasang kamera papan pemuka (dashcam) yang telah melalui program CamScore.

Selaras dengan usaha ini, MIROS mengalu-alukan sokongan dan penglibatan pengeluar atau pengedar kamera papan pemuka (dashcam) yang berminat untuk menyertai program penarafan CamScore ini dengan mengemukakan permohonan melalui e-mel kepada [cvu@miros.gov.my](mailto:cvu@miros.gov.my)

## TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor

T: 016 - 415 4707 | E: [nuursakinah@miros.gov.my](mailto:nuursakinah@miros.gov.my)



## MEDIA RELEASE

# CAMSCORE AWARDS STAR RATINGS TO THREE (3) DASHCAM MODELS FROM FINEVU AND AKEYEO

**KAJANG, 15<sup>th</sup> SEPTEMBER 2023** – The Dashcam Safety Scorecard Program (CamScore) has announced its latest assessment results for the FineVu GX300 and GX1000 models, as well as the Akeyeo AKY-D10 model. All three (3) dashboard camera (dashcam) models have met the assessment requirements and have successfully received star ratings. Both the FineVu GX300 and GX1000 models have earned 5-star ratings, achieving equivalent overall scores of 4.51 out of a total of 5.00. In contrast, the Akeyeo AKY-D10 model has received a 4-star rating with an overall score of 4.10.

In November 2022, MIROS, and Cybersecurity Malaysia (CSM) collaborated to develop a consumer program that helps consumers to choose and purchase dashcams for their vehicles. The program, named "CamScore" or "Dashcam Safety Scorecard," has undergone the initial assessment phase with the first version of the evaluated dashcam list unveiled for consumer reference in 2022. With this consumer program, consumers can learn more about dashcam quality and ensure that their purchases are worth the price.

The CamScore assessment is based on dashcam specifications via **basic, advanced, and Advanced Driving Assistance System (ADAS)** features. Ts. Zulhaidi Mohd Jawi, the MIROS-CSM Project Co-Advisor and Director of the MIROS's Vehicle Safety and Biomechanics Research Centre stated that CamScore is a continuation of various rating programs developed by MIROS, including the new car assessment program through ASEAN NCAP. "This is an initiative by MIROS and CSM to ensure that consumers have proper guidance in making the decision to own suitable and quality dashcams for their vehicles," he added.

Last year, CSM issued two guidelines for consumers: '**User Guideline for Ideal Dashboard Camera Installation**' and '**Guideline for Forensic Data Retrieval from Dashboard Cameras**.' These guidelines are important for users because the audio and video recordings produced by the dashboard camera can assist authorities like the Royal Malaysia Police (PDRM) in conducting investigations, especially when accidents or incidents occur. Audio and video recordings can be used to determine the cause of an event, identify other vehicles or individuals involved in the incident, and assist in filing insurance claims. Data from dashcams should be obtained in the best possible forensic manner to ensure their integrity.



Through the CamScore program, MIROS and CSM are striving to promote the installation of quality dashboard cameras (dashcams) in Malaysia. As a starting point, MIROS recommends that vehicle users select, acquire, and install dashcams that have undergone the CamScore program. In line with this effort, MIROS welcomes the support and involvement of dashcam manufacturers or distributors who are interested in participating in the CamScore program by submitting applications via email to [cvu@miros.gov.my](mailto:cvu@miros.gov.my).

**END**

Prepared by:

Corporate and Knowledge Management Unit  
Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)  
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor  
T: 016 – 415 4707 | E: [nuursakinah@miros.gov.my](mailto:nuursakinah@miros.gov.my)